

Dakwaan kasari wartawan, KAMI mahu saman k'jaan
MalaysiaKini.com
May 02, 2012
By Zulaikha Zulkifli

Kumpulan Aktivistik Media Independen (KAMI) merancang untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap kerajaan Malaysia dan pasukan polis berhubung dakwaan mengasari pengamal media pada perhimpunan BERSIH 3.0 Sabtu lalu.

Pengerusinya, Ahmad Lutfi Othman berkata, pertubuhan itu sedang mengumpulkan bukti dan saksi sebanyak mungkin berhubung kejadian tersebut.

NONE" Mengikut apa yang dilaporkan, sebanyak 10 kes yang melibatkan wartawan dan jurugambar dikasari oleh pihak polis.

"KAMI sedang berunding dengan peguam Mohamed Hanipa Maidin untuk mengambil tindakan undang-undang kepada pihak polis dan kerajaan untuk bawa kes ini ke mahkamah secepat mungkin.

"KAMI juga ingin meminta pengisytiharan bahawa tindakan polis itu bercanggah dengan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan," katanya kepada pemberita hari ini.

Tambahnya, KAMI juga menyokong gesaan Kesatuan Kebangsaan Wartawan Semenanjung Malaysia (NUJ) agar siasatan ke atas dakwaan berkenaan dijalankan jawatankuasa bebas dan bukan pasukan polis.

"Kami bersetuju agar penubuhan siasatan bebas berhubung kes ini seperti yang dicadangkan NUI dilakukan... Setelah saya teliti, tidak ada undang-undang yang memberi kebenaran kepada polis untuk rampas kamera dan barangan wartawan," katanya.

Terdahulu, ketua seketariat KAMI Hidayatul Kamil Termudi dalam satu sidang media turut menyelar tindakan pihak polis mengasari wartawan yang membuat liputan pada himpunan 'Duduk dan Bantah' itu.

Malah, kenyataan bercelaru di antara menteri bertanggungjawab dan juga kenyataan ketua polis negara menunjukkan tahap prihatin pasukan tersebut dalam menjaga keselamatan wartawan.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein yang bercanggah dengan kenyataan Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar berhubung tindakan merampas kamera wartawan.

"Hishammuddin kata (rampasan) sebahagian daripada SOP (garis panduan operasi polis), tapi ketua polis negara kata tidak.

"Ini menunjukkan bahawa menteri tidak tahu apakah SOP yang berkaitan media. Dan ini juga menunjukkan pihak berkuasa tidak serius dalam menjaga keselamatan yang berkaitan wartawan," katanya lagi.